

4.0400 / 8250	4.8860 / 7100	3.7400 / 6000	0.0315 / 0250
DOLAR AMERIKA	EURO	YEN JEPUN	RUPIAH INDONESIA
3.0250 / 8420	3.1960 / 2.9840	5.6000 / 3450	13.5700 / 5000
DOLAR SINGAPURA	DOLAR AUSTRALIA	POUND STERLING	BAHT THAILAND

Kirimkan maklumat dan maklum balas kepada: ekonomi@kosmo.com.my Faks: 03-9221 8590

Sempena ulang tahun ke-40, pencapaian syarikat pengurusan dana terbesar Sagu hati istimewa buat PNB

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pemberian sagu hati istimewa sebanyak RM2,000 kepada setiap warga Permodalan Nasional Bhd. (PNB) yang akan mula disalurkan Mei ini.

Najib yang juga Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) iaitu yayasan di mana PNB bernaung berkata, ia diberikan bagi meraikan ulang tahun ke-40 dan pencapaian cemerlang syarikat pengurusan dana terbesar negara itu sepanjang penubuhannya.

“Untuk sambut 40 tahun ini, bukan selalu kita boleh sebut 40

tahun, jadi sempena menyambut ulang tahun ini, saya ingin umumkan sagu hati istimewa sebanyak RM2,000 kepada setiap warga PNB yang akan dilaksanakan pada Mei ini.

“Jadi raya pun boleh disambut dengan meriah... Saya sekali lagi ucapkan selamat menyambut ulang

tahun ke-40 kepada semua warga PNB, saya yakin masa depan PNB akan terus cemerlang,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya bersempena sambutan ulang tahun ke-40 PNB di sini semalam.

Turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Ab-

PNB
Permodalan Nasional Berhad



NAJIB Tun Razak bersama Abdul Wahid (kanan) dan Abdul Rahman pada majlis sambutan ulang tahun ke-40 PNB di Kuala Lumpur semalam.

dul Ghani, Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Abdul

Rahman Ahmad.

Selain itu, Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah atas kejayaan PNB mengekalkan

pencapaian sepanjang penubuhannya dengan aset di bawah pengurusannya kini mencapai RM279 bilion.

Najib berkata, PNB selama ini memainkan peranan penting dalam menjayakan dasar-dasar induk kerajaan umpamanya Dasar Ekonomi Baharu (DEB) khususnya dalam usaha mengagihkan kekayaan negara secara saksama kepada semua rakyat.

“Prestasi dan kejayaan PNB adalah satu kebanggaan kepada seluruh rakyat Malaysia. Kejayaan PNB juga boleh diukur dari sudut menjayakan dasar induk kerajaan bermula dengan DEB khususnya dalam aspek pengagihan kekayaan negara kita supaya lebih adil dan saksama. - Bernama